

- Perkahwinan anak tak sah taraf perempuan mesti diwalikan oleh wali hakim. Bapa tidak layak menjadi wali kepada anak tak sah tarafnya. Anak tak sah taraf (lelaki) tidak boleh menjadi wali sepertimana susunan wali dalam pernikahan. Pemohonan wali hakim perlu dirujuk ke Jabatan Agama Islam Negeri atau Pejabat Agama Islam Daerah.

Ibu dan anak tak sah taraf boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Jika ibu meninggal dunia, maka dia berhak mewarisi pusaka ibunya bersama-sama ahli waris sebelah ibunya dan sebaliknya.

Anak tak sah taraf tidak boleh mewarisi harta pusaka bapanya dan keluarga sebelah bapanya dan begitu juga sebaliknya.

Kematian anak tak sah taraf yang belum baligh adalah menurut agama ibunya. Jika ibunya beragama Islam, dia diuruskan dengan cara pengurusan jenazah Islam. Jika ibunya bukan Islam, dia diurus dengan cara bukan Islam walaupun lelaki yang menyetubuhi ibunya beragama Islam.

Anak tak sah taraf tidak boleh dinafikan haknya untuk bermasyarakat, bekerja, berkahwin dan mempunyai hak sama rata di sisi Islam.

\*Hubungan mahram :  
Haram dinikahi

\*Hubungan bukan mahram :  
Boleh dinikahi

## KESAN PSIKOLOGI KEPADA ANAK TIDAK SAH TARAF

- Anak berasa rendah diri terhadap status dirinya
- Cenderung untuk membenci ibu bapa
- Berasa terpinggir dalam kalangan ahli keluar dan masyarakat
- Cenderung terpengaruh dengan gejala negatif
- Mengalami kemurungan setelah mengetahui status dirinya

## KATAKAN TIDAK KEPADA ZINA!!

- Elakkan trend dating/couple - bersentuhan dan zina
- Elakkan penyalahgunaan media sosial dan internet
- Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat
- Sokongan keluarga
- Perbaiki solat dan puasa - antibody kawal nafsu
- Cintai ilmu - kemajuan hidup dan melindungi diri daripada dosa
- Bersedia dan sentiasa mengingati mati
- Bertaubat, bersangka baik dan mengharap cinta Allah SWT- beri kesedaran dan mohon ampun.

Firman Allah SWT bermaksud :

*"Katakanlah (Wahai Muhammad SAW): "Wahai hamba-hambaKu yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*



**ANAK TIDAK SAH TARAF DARI SUDUT SYARAK**



Diterbitkan oleh:  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
[www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my) | [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)  
KKM/BM/50,000/2017

Diterbitkan bersama:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



## PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf juga dikenali sebagai 'Anak Luar Nikah' dalam masyarakat Melayu atau 'Anak Zina' mengikut hukum syarak.

## ZINA

Persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan di luar pernikahan yang sah atau pernikahan syubhah. Zina merupakan dosa besar dan kesalahan jenayah syariah.

Firman Allah SWT bermaksud :

*"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji dan satu jalan yang membawa kepada kerosakan."*  
(Surah al-Isra' : ayat 32)

Firman Allah SWT bermaksud :

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya 100 kali sebatan dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman".*

(Surah an-Nur: Ayat 2)

Hadith Rasulullah SAW :

*"Daripada Maimunah RA beliau berkata : "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda : Umatku (ini) akan terus berada dalam kebaikan selama mana tidak tersebar luas anak zina dalam kalangan mereka. Apabila anak zina tersebar luas dalam kalangan mereka, maka Allah SWT akan menurunkan azab kepada mereka seluruhnya."*

## MENGAPA ZINA BERLAKU?


- Abai agama, iman tipis dan pengaruh nafsu.
- Peranan ibu bapa dan institusi keluarga yang runtuh.
- Pergaulan tanpa batasan, alkohol, dadah dan seks bebas.
- Pengaruh rakan, budaya, persekitaran, media dan sebagainya.

## TAKRIF ANAK TAK SAH TARAF

- Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada hasil daripada zina atau rogol, dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
- Anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

## PENJELASAN :

- Mana-mana anak yang dilahirkan dalam tempoh 6 bulan atau lebih yang dikira daripada masa suami isteri melakukan persetubuhan melalui nikah yang sah, maka nasab anak tersebut disabitkan kepada suami wanita berkenaan (bapa biologi) dan terpakai segala hukum-hakam nasab ke atasnya.
- Sebaliknya, jika anak tersebut lahir kurang daripada 6 bulan, maka nasabnya tidak bersambung dengan suami kepada ibu atau wanita yang melahirkan anak yang berkenaan.



## IMPLIKASI ANAK TAK SAH TARAF DARI SUDUT SYARAK

Menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-57(2003) :

"Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu, mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali"

- Perempuan Islam yang berzina dengan lelaki Islam atau lelaki bukan Islam dan melahirkan anak, maka anak itu hendaklah di bin atau bintikan Abdullah atau nama-nama lain 'Asma al-Husna' berpangkalan Abdul.
- Penjagaan, nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf adalah dipertanggungjawabkan kepada ibunya dan saudara mara sebelah ibunya sahaja.
- Jika ibu berkahwin dengan lelaki yang berzina dengannya atau lelaki lain, maka lelaki tersebut menjadi bapa tiri kepada anak tak sah taraf wanita yang dikahwininya. Oleh itu, wudhu', aurat dan pergaulan bapa tiri dengan anak tiri (anak tak sah taraf) seperti hubungan mahram\* dan mereka haram berkahwin.
- Jika wanita yang telah hamil/ melahirkan anak hasil zina tidak mengahwini pasangan zinanya, maka hubungan anak tak sah tarafnya dengan bapa biologi (bapa tak sah taraf) adalah seperti hubungan bukan mahram\*. Mereka boleh berkahwin, wudhu' terbatal (jika bersentuhan), aurat dan pergaulan perlu dijaga seperti hubungan ajnabi (orang luar).

